



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6/2/2011

Rakyat Arab mahukan perubahan - Dr. Mahathir



DR. MAHATHIR MOHAMAD

KUALA LUMPUR 5 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, revolusi dan pergolakan di beberapa negara Arab menunjukkan rakyat mahukan perubahan kerajaan atau pemimpin kerana mereka tidak gembira dengan pemerintahan autoritarian.

Bekas Perdana Menteri berkata, revolusi telah berjaya di Tunisia dan sekarang dunia sedang menyaksikan pergolakan di Mesir.

Sekiranya revolusi ini berjaya, kata beliau, akan terbentuk kerajaan baru.

Bagaimanapun, beliau menambah adalah berbaloi untuk juga mengingati bahawa tidak semua perubahan itu

akan membawa kepada kebaikan.

Sehubungan itu, beliau menegaskan adalah menjadi kewajipan bagi mereka yang mahukan perubahan mempunyai idea tentang jenis pemerintahan yang diinginkan atau sebaliknya mungkin mendapat bentuk kepimpinan kerajaan yang sama, yang selama ini cuba disingkirkan.

"Ini kerana kebanyakan pemimpin sebaik mendapat kuasa akan berubah dan mudah lupa tentang segala kesusahan dan pengorbanan yang membolehkan mereka berkuasa. Kuasa adalah rasuah, seperti yang kita ketahui," katanya dalam entri terbaru dalam blognya chedet.co.cc

yang bertajuk Kesan Domino.

Dr. Mahathir berkata, walau apa pun, kerajaan baru tidak harus membelakangkan rakyat yang telah bangkit menentang kerajaan terdahulu.

"Mereka (rakyat) berbuat demikian kerana mereka mahukan kerajaan baru yang lebih baik dan akan mengambil berat tentang rakyat. Saya diberitahu kadar pengangguran yang tinggi adalah antara faktor utama.

"Masalah ini harus diberi keutamaan atau nasib yang sama akan dihadapi kerajaan baru. Ia memerlukan penguasaan ekonomi lebih baik terutama menawarkan lebih banyak peluang pe-

kerjaan," katanya.

Beliau berkata, seseorang pemimpin demokratik boleh ditukar hanya melalui pungutan suara, tetapi pada masa yang sama, sistem itu boleh disaiahgunakan.

"Sama ada pemimpin yang dipilih itu mengekalkan jawatannya atau berlaku beberapa siri kerajaan yang tidak dapat berfungsi kerana rakyat menolak dengan undian mereka. Ini akan mewujudkan keadaan yang tidak stabil. Negara itu tidak akan berjaya," katanya.

Untuk mengelakkan perkara ini, Dr. Mahathir berpandangan pengundi mesti tidak membenarkan diri untuk

dimanipulasi iaitu mereka harus menjalankan tanggungjawab selaku pengundi yang bijaksana.

"Tetapi ini adalah sesuatu yang baru bagi mereka dan mereka mungkin tidak mahir untuk melaksanakan kuasa sebagai pemilih," katanya.

Beliau berkata, rasuah di peringkat pentadbiran mesti dikurangkan dan untuk merealisasikan, langkah drastik harus dilakukan.

"Untuk itu, apa yang paling penting untuk pentadbiran kerajaan baru terutama pemimpinnya, tetapi yang dipilih, harus menunjukkan mereka bebas rasuah," tambah beliau. - BERNAMA